

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah ekonomi dan sekolah akan dibuka semula, jumlah vaksin yang dibeli dan tarikh penghantaran serta bilakan vaksinasi untuk golongan yang berumur di bawah 18 tahun. Sejauh manakah pekerja asing yang sah dan tanpa izin telah di vaksinasi.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABDUL LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Sektor ekonomi telah pun dibuka secara beransur-ansur** di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Kerajaan telah memperkenalkan kemudahan-kemudahan di dalam sektor ekonomi dan sosial bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap. Antara kemudahan yang telah diberikan adalah seperti Gelembung Pelancongan Domestik (*Domestic Travel Bubble*), aktiviti *dine-in* dan pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi *indoor*.

2. Berkaitan **pembukaan sektor pendidikan**, pengumuman telah dibuat bahawa sesi persekolahan secara bersemuka adalah mulai 3 Oktober 2021 mengikut fasa dalam PPN dan menggunakan kaedah penggiliran murid secara mingguan. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka satu pelan komprehensif pembukaan semula sekolah bagi memastikan murid dapat kembali belajar secara bersemuka di sekolah dalam keadaan selamat.

3. Sehingga kini, sebanyak **87.9 juta dos vaksin telah ditempah** oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Fasilitas COVAX dan secara rundingan terus dengan beberapa pengeluar vaksin COVID. Perkara ini melibatkan **implikasi kewangan sebanyak RM 4.64 billion meliputi kos vaksin dan logistik vaksin.**

4. **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Remaja (PICK-Remaja)** telah bermula pada 8 September 2021 dengan menyasarkan seramai 3.2 juta remaja berumur 12 hingga 17 tahun. Negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan merupakan negeri terawal program PICK-Remaja ini dilaksanakan diikuti negeri-negeri lain pada 15 September 2021. Keutamaan diberikan kepada remaja berumur 16 dan 17 tahun dan seterusnya akan diperluaskan kepada remaja berumur 12 hingga 15 tahun.

5. **Berdasarkan statistik pemberian vaksin COVID-19** (6 Oktober 2021) kepada **bukan warganegara**, seramai 2.9 juta orang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin manakala 2.1 juta orang telah menerima dos lengkap. Data penerima vaksin bukan warganegara ini juga **merangkumi pelaksanaan vaksinasi kepada pekerja di bawah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Industri** termasuk pekerja asing. Sehingga tempoh yang sama, seramai 1,004,798 pekerja telah menerima dos pertama vaksin dan 946,256 menerima dos kedua vaksin melalui PPV Industri.

Sekian, terima kasih.